

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah nilai pelaburan oleh negara Turki di Malaysia setakat bulan September 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Jumlah pelaburan asing dari negara Turki dalam sektor perkilangan yang diluluskan dari tahun 2000 hingga September 2020 adalah sebanyak RM446.8 juta. Pelaburan ini melibatkan 9 projek yang menjana sejumlah 363 peluang pekerjaan.

2. Daripada jumlah kelulusan pelaburan ini, sektor industri kimia dan produk kimia mencatatkan pelaburan asing yang tertinggi dari negara Turki iaitu sebanyak RM376.8 juta atau 84.3%, diikuti dengan industri peralatan pengukuran dan saintifik (RM66.7 juta atau 14.9%), kayu dan barangan kayu (RM1.6 juta atau 0.3%), tekstil & barangan tekstil (RM1.1 juta atau 0.3%) dan perabot & kelengkapan (RM0.6 juta atau 0.1%).

3. Negara Turki berada pada kedudukan yang ke-35 daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tempoh yang sama. Antara pelabur asing utama adalah negara Amerika Syarikat dengan sumbangan pelaburan sebanyak 14.6% (RM86.8 bilion) diikuti oleh Jepun 13.4% (RM79.2 bilion), China 12.9% (RM76.6 bilion), Singapura 10.0% (RM59.6 bilion), dan Jerman 6.9% (RM41.0 bilion).

4. Negeri Johor telah mencatatkan kelulusan pelaburan asing yang tertinggi dari negara Turki dengan jumlah RM376.8 juta (84.3%) dan diikuti dengan negeri Selangor sebanyak RM70.0 juta (15.7%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pada bulan September 2020 seorang Ahli Parlimen telah bersetujui untuk membayar cukai pendapatan berjumlah RM40,358,336.61 daripada jumlah RM57,167,069.35 yang dituntut oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kenapa pihak LHDN bersetuju untuk mengurangkan wang sejumlah RM16,808,732.74 daripada jumlah tuntutannya dan sama ada pihak LHDN telah menerima bayaran sepenuhnya wang hutang sejumlah RM40,358,336.61 itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat terperinci seseorang pembayar cukai secara khusus tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kerana ia merupakan maklumat terperingkat dan dilindungi di bawah peruntukan kerahsiaan seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) boleh membangkitkan taksiran cukai tambahan terhadap mana-mana pembayar cukai susulan daripada hasil penemuan audit atau siasatan yang dijalankan. Sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran cukai tambahan tersebut, mereka boleh membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP). Namun begitu, sebelum sesuatu kes dikemukakan kepada PKCP, pembayar cukai masih diberi peluang untuk mengemukakan dokumen atau bukti-bukti tambahan kepada pihak LHDNM untuk semakan semula taksiran yang dipertikaikan.

3. Pengurangan cukai akan diberikan setelah LHDNM mempertimbangkan semua dokumen baharu atau tambahan yang dikemukakan oleh pembayar cukai semasa proses rayuan ini. Pembayaran cukai perlu dibuat dalam tempoh 30 hari selepas notis taksiran diserahkan. Jika berlaku kelewatan dalam membuat bayaran, kenaikan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada cukai tertunggak akan dikenakan di bawah peruntukan seksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

Sekian, terima kasih.